

# TIGER®MUSCLE RUB

Methyl Salicylate / Menthol / Camphor (15% w/w / 5% w/w / 3% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Tiger Muscle Rub*
2. Bagaimana *Tiger Muscle Rub* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Tiger Muscle Rub*
4. Cara menggunakan *Tiger Muscle Rub*
5. Semasa menggunakan *Tiger Muscle Rub*
6. Kesan- kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Tiger Muscle Rub*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Tiger Muscle Rub*

Memberi kelegaan sementara untuk sakit ringan, sakit pada otot dan sendi berkaitan dengan sakit belakang biasa, ketegangan dan terseliuh.

## Bagaimana *Tiger Muscle Rub* berfungsi

Mempunyai kesan analgesik. Apabila urut perlahan-lahan pada kulit, kesan sejuk dirasai pada mulanya diikuti dengan rasa hangat.

## Sebelum menggunakan *Tiger Muscle Rub*

**-Bila tidak boleh menggunakannya**  
Pesakit yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap mana-mana bahan ubat itu.

**-Sebelum mula menggunakannya**  
Boleh menyebabkan kesan alergi pada kulit sensitif. Sebelum menggunakan, cuba pada permukaan kulit yang lebih kecil terlebih dahulu.

**-Jika mengambil ubat-ubat lain**

Untuk individu yang mengambil Warfarin, gunakan atas nasihat doktor untuk mengelakkan penggunaan berlebihan kepada kulit yang boleh menyebabkan pendarahan.

## Cara menggunakan *Tiger Muscle Rub*

**-Berapa banyak harus digunakan**  
Gunakan hanya secukupnya dan sapu pada bahagian yang terjejas.

**-Bila perlu digunakan**  
Gunakan ia apabila mengalami sakit otot, sakit pada otot dan sendi berkaitan dengan sakit belakang biasa, ketegangan dan terseliuh.

**-Berapa lama perlu digunakan**  
Disyorkan untuk menggunakan tidak lebih 3 hingga 4 kali sehari.

**-Jika terlupa menggunakan**  
Berunding dengan doktor. anda mungkin akan terus mengalami simptom ketidakselesaan daripada sakit otot.

## Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau sesiapa yang terlebih menggunakan ubat ini secara berlebihan atau tertelan secara tidak sengaja, berunding dengan doktor secepat mungkin atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital berdekatan. Lakukan sedemikian walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan lanjut.

## Semasa menggunakan *Tiger Muscle Rub*

**-Perkara yang perlu dilakukan**  
Sapukan pada bahagian yang sakit perlahan-lahan sehingga diserap sepenuhnya.

## -Perkara yang tidak boleh lakukan

- Jangan sapu pada luka terbuka atau kulit yang mengalami iritasi.
- Jangan balut dengan ketat.
- Camphor boleh menyebabkan sawan. Jangan guna pada kanak-kanak bawah 2 tahun.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap kesan dingin kepanasan hendaklah berhati-hati menggunakan ubat ini.
- Langkah berhati - hati perlu diambil semasa merawat kanak-kanak.
- Elakkan sentuhan secara langsung dengan hidung.
- Hentikan penggunaan jika berlaku iritasi yang teruk pada kulit.
- Untuk kegunaan luaran sahaja. Jauhi dari kanak-kanak.

## Kesan- kesan Sampingan

Boleh menyebabkan tindak balas alergi bagi sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web <http://www.npra.moh.gov.my> (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Tiger Muscle Rub*

### -Penyimpanan

Ia adalah disyorkan untuk menyimpan *Tiger Muscle Rub* dibawah suhu 30°C. Untuk digunakan dalam masa 3 tahun dari tarikh pembuatan.

**-Pelupusan**

Ubat tidak boleh dilupuskan ke saluran air. Minta nasihat ahli farmasi anda mengenai cara pelupusan jika ubat tidak diperlukan lagi.

**Maklumat Lanjut**

**-Rupa dan warna produk**

Krim yang berwarna putih dengan ciri bau Methyl Salicylate dan Menthol.

**-Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif:  
Methyl Salicylate, Menthol,  
Camphor.

Bahan tidak aktif:

Methyl Hydroxybenzoate,  
Propyl Hydroxybenzoate

**- Nombor MAL**

MAL19962565X

**Pengilang dan Pemegang  
Pendaftaran Produk**

Tiger Balm (M) Sdn. Bhd,  
PLO 95, No. 6, Jalan Firma 1/1,  
Tebrau Industrial Estate,  
81100 Johor Bahru, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

30/05/2018

**Nombor siri**

NPRA(R4/1)271117/00327